

CNS6521

R GB 10-09 00173 BH226

BAH

Mahathir - Demokrasi

DR MAHATHIR NASIHATI CALON TARIK DIRI JIKA RASA AKAN KALAH

KUALA TERENGGANU, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati mana-mana calon dalam pelbagai peringkat pemilihan UMNO sekarang supaya mengundurkan diri jika merasakan diri mereka tidak akan menang.

Ketika berucap kepada anggota-anggota UMNO Terengganu di kediaman Menteri Besar di sini hari ini, beliau berkata, bukanlah sesuatu yang memalukan bagi seseorang calon itu menarik diri jika merasakan tidak akan menang, malah ini mendatangkan kebaikan kepada parti.

"Kalau kita tidak bertanding tidak salah dan kalau kita hendak bertanding pun tidak salah, tetapi anggota-anggota mestilah membuat pemilihan secara tertib dan membuat keputusan berdasarkan penilaian masing-masing," katanya.

Presiden UMNO itu juga mahu semua anggota parti itu menghayati prinsip demokrasi dalam kegiatan kepartian dan bukannya menerima prinsip itu pada bahagian-bahagian yang memanfaatkan mereka sahaja.

"Kalau kita terima demokrasi, jangan terima demokrasi setakat hendak menjadi calon, tetapi terima demokrasi yang kalau kita kalah, kita kalah," katanya. -- lagi

▼10/09/13-25MST

R GB 10-09 00183 BH228

BAH

Mahathir - Demokrasi 2 Kuala Terengganu

Beliau berkata, orang yang kalah dalam pertandingan sepatutnya menerima keputusan majoriti yang memilih lawannya dan bukan bertindak memusuhi hingga tidak bertegur sapa dengan orang yang mengalahkannya itu.

Mengenai pemilihan-pemilihan dalam UMNO yang berjalan sekarang, Dr Mahathir meminta anggota-anggota parti menjalankan pemilihan dan kempen dengan sihat tanpa melibatkan unsur seperti memberi imbuhan wang, mengugut dan memberi janji-janji palsu.

Dalam soal pertandingan Timbalan Presiden UMNO pula, katanya, beliau telah menasihati supaya jangan ada pertandingan untuk jawatan itu tetapi suara-suara sekeliling beliau mahukan jawatan itu ditandingi.

"Saya tidak boleh larang sebab nanti tidak demokratik. Oleh sebab itu saya benarkan pemilihan tetapi saya tidak sokong sesiapa," katanya dan menambah terpulang kepada anggota parti memilih calon yang dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.

Selepas majlis itu, beliau ditanya mengenai kejayaan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kesemua sembilan pencalonan untuk jawatan Timbalan Presiden daripada sembilan Bahagian UMNO yang mengadakan persidangan perwakilan semalam tetapi Dr Mahathir enggan mengulas dan mengatakan itu adalah hak anggota parti untuk memilih. -- lagi

▼10/09/13-48MST

R GB 10-09 00156 BH229

BAH

Mahathir - Demokrasi 3 Kuala Terengganu

Beliau juga mengulangi kenyataannya semalam bahawa beliau belum menerima surat atau memorandum yang didakwa dihantar oleh 19 daripada 20 bahagian UMNO Sabah yang kononnya mengandungi rasa tidak puas hati terhadap Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba menerajui UMNO negeri itu.

Ketika berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, rakyat tidak boleh menyalahkan sesiapa jika memilih pemimpin yang rasuah atau yang akan merosakkan negara kerana pemilihan itu dibuat oleh mereka sendiri.

Beliau turut menyatakan kesal dengan perjalanan kempen untuk pemilihan pemimpin UMNO sekarang yang disifatkannya sebagai "makin lama makin hodoh" dan berlebih-lebihan memburuk-burukkan sesama sendiri hingga dijadikan modal oleh pembangkang.

"Kalau nak amal demokrasi terimalah keputusan, dah orang tak nak sudahlah, nak teruk-teruk buat apa," katanya.

Dr Mahathir berkata, yang lebih penting sekarang ialah apabila sudah menerima keputusan, setiap anggota parti merapatkan hubungan sesama sendiri dalam parti. -- lagi

▼10/09/13-50MST

CNS6535

R GB 10-09 00081 BH230

BAH

Mahathir - Demokrasi 4 (Akhir) Kuala Terengganu

Perdana Menteri juga bercakap mengenai usianya yang sudah menjangkau 69 tahun dan sering diperkatakan orang.

"Jangan anggap seseorang itu boleh kekal. Saya tidak kekal dan saya terima hakikat itu.

"Kalau orang hendak saya duduk (sebagai Presiden parti) saya duduk, kalau orang tak hendak saya pergilah," katanya sambil menyatakan beliau akan berpegang pada pepatah Inggeris, "Don't overstay your welcome". --

Bername

AL AM ZU

▼10/09/13 50MST